

# Anak saksi bapa ditembak Israel

Penduduk tidak lupa tragedi kekejaman tentera Zionis bunuh 21 penduduk

Berita Harian 20/02/2010 M/S 14

Laporan

Di Gaza, Palestin

Wan Faizal Ismayatim

Gambar

Zahari Zakaria



**G**AZA: Penduduk sebuah perkampungan di Zaitun, masih bersehid dan sepanjang hayat tidak akan dapat melupakan tragedi menyayat hati yang berlaku 18 bulan lalu apabila 21 daripada penduduknya, termasuk 10 kanak-kanak mati ditembak beramai-ramai dalam sebuah rumah oleh rejim Zionis.

Abdullah Atiyah Samouni, 10, mungkin belum mengerti erti kehidupan, tetapi kanak-kanak itu masih mengingat kejadian di mana bapanya, Atiyah Samouni, 26, mati di depan matanya ditembak oleh tentera Israel.

Adiknya pula yang berusia empat tahun, Ahmad Samouni, maut dengan empat das tembakan di kepala dan dada dalam rumah penuh sesak itu.

Dalam kejadian pada malam 5 Januari tahun lalu itu, gerombolan tentera Israel yang memasuki kawasan kampung berkenaan dengan puluhan kereta kebal, mencero boh kediaman penduduk, termasuk rumah Abdullah sebelum memanggil bapanya keluar.

Abdullah yang masih mengingat kejadian itu berkata, sebaik bapanya keluar dan mengangkat tangan tanda menyerah, dia ditembak bertalu-talu dan meninggal



**KANAK-KANAK** memegang poster yang menunjukkan ahli keluarga yang dibunuh askar Zionis selepas dikurung dalam sebuah rumah 18 bulan lalu, di Gaza, semalam.

**“**Apabila bapa saya keluar, mereka melepaskan berdas-das tembakan. Kami pula dibawa dan dikumpulkan dalam sebuah rumah...”

**Abdullah Atiyah Samouni**  
Kanak-kanak Gaza

dunia, manakala dia dan adik-beradik lain diseret ke sebuah rumah dan dikumpul bersama berpuluh-puluh lagi penduduk.

“Sebelum kejadian itu, saya bermain di luar rumah bersama adik dan sepupu, tiba-tiba terdengar tembakan dan kami lari masuk rumah. Tidak lama kemudian, tentera Israel datang dan mahu berjumpa tuan rumah.

“Apabila bapa saya keluar,

mereka melepaskan berdas-das tembakan hingga bapa saya mati. Kami pula dibawa dan dikumpulkan dalam sebuah rumah sebelum mereka melepaskan tembakan bertalu-talu dan meletupkan rumah itu,” katanya yang cedera di kaki dalam kejadian itu ketika ditemui di kampung berkenaan, semalam.

Dalam kejadian itu, 89 penduduk dikumpulkan dalam

sebuah rumah sebelum dibedil tentera Israel menyebabkan 21 terbunuh dan 68 lagi cedera parah.

Mereka yang parah, termasuk seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun, Mohamed Wael, yang ditemui di celah-celah mayat anggota keluarganya, diselamatkan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS) yang tiba di situ tidak lama kemudian.